

DEWAN RAKYAT

ZAINUDDIN AYIP dan BUSTAMAM AHMAD

Rakyat
benas
pilih
'doktor'

KUALA LUMPUR, Khamis — Dewan Rakyat hari ini diberitahu amalan perubahan di negara ini tidak mengahlang seseorang dari mengamalkan sistem pengubatan mengikut pilihannya sendiri.

Menteri Kesehatan, Tan Sri Chong Hon Nyan, berkata seseorang itu boleh mengamalkan sistem pengubatan pilihannya sama ada cara Melayu, Cina, India atau cara-cara tradisional yang lain.

Amalan perubahan di negara ini tertakluk di bawah Akta Perubatan, 1971. Peruntukan di bawah akta itu secara am berhubung dengan amalan perubahan dan perubatan mengikut cara moden.

Bagi perubahan cara Melayu, Cina, India atau cara lain yang lain, katanya.

Kajian

Tan Sri Chong menyatakan demikian menjawab pertanyaan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (PAS-Pengkalang Cepad).

Menurut menteri itu beberapa kajian mengenai penggunaan tumbuh-tumbuhan bagi perubahan tradisional sedang dijalankan oleh universiti-universiti tempatan.

Bagaimanapun, tamahnya perkara itu menjadi rumit kerana terdapat berbagai cara

perubatan tradisional yang diamalkan di negara ini.

Ditanya sama ada penegasan butan bagi pembinaan tanah akan menghapus sumber perubatan tradisional, Tan Sri Chong berkata itu cuma spekulasi.

Menjawab soalan tambahan Enik Alias Ali (BN-Ulu Trengganu), beliau berkata, langkah melantik bomoh sebagai pakar perunding bagi mengubah sakit patah di hospital akan menimbulkan beberapa masalah.

TAN SRI CHONG
HON NYAN

"Masalah utama, hendak menentukan siapa yang boleh dititilahkan sebagai pakar di kalangan bomoh yang berkebolehan mengubah sakit patah, sekaligus orang ramai memang mempercayai kebanyakan mereka, jelanya.

Fenomena kerajaan itu bertanya sama ada kerajaan berandang melantik bomoh-bomoh yang berkebolehan mengubah sakit patah sebagai pakar perunding di semua hospital di seluruh negara.

Menjawab soalan lain Enik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka) Tan Sri Chong menjelaskan, pegawai-pegawai pengukuasaan menalakkan pemeriksaan ke kedai-kedai ubat untuk memastikan peniaga-peniaga ubat tidak menjual ubat yang beracun.

DUTUK PENGIRAN
OTHTMAN RAUF

KUALA LUMPUR, Khamis — Projek kedua bernilai \$180 juta untuk membaiki keadaan lalulintas di sekitar Kuala Lumpur dijangka siap keseluruhan, akhir tahun depan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf, berkata, projek itu mengandungi tujuh peringkat yang dibina dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan.

Dalam jawapan bertulis soalan Enik Mohd. Bakri Abdul Rais (BN-Parit) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata, peringkat-peringkat itu ialah:

Pengaliran

● Pembinaan lingkaran jalan tengah sebagai jalan longgongan kepada lalulintas.

● Pembinaan lingkaran jalan dalam untuk lalulintas terus

Pembinaan
lalulintas
di Kuala Lumpur
siap
akhir '82

dari pusat bandar.

● Pembinaan dua belas persimpangan jalan yang sangat sibuk dan selalu melambatkan lalulintas.

● Pemasaran tiga buah jambatan.

● Pelan kajian semula pengaliran lalulintas kawasan tengah untuk memudahkan perjalanan pengangkutan awam dan lalulintas berjalan kaki.

● Skim kawalan lalulintas kawasan untuk menyalir kesesakan lalu lintas dalam kawasan tengah yang menggunakan komputer.

● Skim keutamaan kepada kenderaan muatan penuh untuk mempercepat dan melicinkan perjalanan kenderaan-pengangkutan awam.

Datuk Pengiran Othman berkata, jika dilihat scintilas lalu, keadaan kawalan lalulintas adalah kurang memuaskan.

Keadaan ini berlaku kerana ada antara komponen-komponen projek kedua pengangkutan

bandar Kuala Lumpur yang masih belum siap.

"Hanya bahagian-bahagian jalan tertentu apabila sahaja siap dibuka untuk kegunaan awam bagi mengurangkan kesesakan lalulintas, walaupun keseluruhan kerja-kerja pembinaan jalan-jalan tersebut belum siap," tamahnya.

Mengalir rancangan pembersihan dan pengindahan ibu kota, beliau berkata, Kementerian telah melancarkan program kebersihan dan pengindahan bandar September lalu.

Hasil daripada program itu, jelas terbukti keadaan kebersihan di sekitar ibu kota

sudahpun bertambah baik, tamahnya.

Program ini akan diteruskan dan adalah diharap semua pihak akan bekerjasama rapat dengan Dewan Bandaraya untuk memastikan ibu kota Kuala Lumpur akan sentiasa bersih dan cantik.

Perlu diingatkan dalam usaha menjaga kebersihan bandaraya penertarikan dan kerjasama orang ramai amatlah penting.

"Oleh itu program yang dilancarkan itu adalah juga bertujuan menyedarkan orang ramai supaya menggalakan tabiat kebersihan di sepanjang waktu," jelas beliau lagi.

Peluang guru2 naik
pangkat sama

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan memberi peluang yang sama kepada semua guru dalam proses

kenaikan pangkat, kata Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun hari ini.

Menjawab soalan anggota BN Pasir Mas, Enik Abdul Rahman Daud, semasa soal-jawab di Dewan Rakyat, beliau berkata peluang yang sama diberikan kepada guru Menurutnya, kenaikan pangkat guru-guru berdasarkan beberapa faktor utama termasuk sama ada terdapat kekosongan bagi jawatan-jawatan dalam kalangan tertentu.

Selain itu, guru-guru hendaklah memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan berkecuali.

Akta Tanah 1960
akan dikemaskini

KUALA LUMPUR, Khamis — Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 akan dikemaskini untuk disesuaikan dengan pembangunan pesat sekarang.

Setiuausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tanah dan Wilayah, Sharifah Dorah Syed Mohammad berkata, beberapa bahagian dalam akta itu perlu dipinda dan diubahsuai.

"Akta itu sudah 20 tahun diikutkuasa dan beberapa perubahannya tidak sesuai," katanya menjawab pertanyaan Haji Mohd. Jenab Abdullah (PAS-Bachok), di De-

wan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan bertulis Enik Peter Paul Dason (DAP-Bukit Bendera) yang ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyahbulang kuasa mengambil alih tanah, beliau berkata:

"Tindakan Kerajaan Negeri mengotok lomas undang-undang dengan itu soal selalangnya kuasa tidak timbul."

Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam akta itu akan diperbaiki, jelanya.